

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT**

**PERTANYAAN : LISAN**

**DARIPADA : YANG BERHORMAT TUAN HAJI KHALID BIN  
ABDUL SAMAD [ SHAH ALAM ]**

**TARIKH : 17 OKTOBER 2016**

**SOALAN :**

**YB Tuan Haji Khalid bin Abdul Samad [ Shah Alam ]** minta **PERDANA MENTERI** menyatakan sama ada cadangan persempadanan baharu oleh SPR tempoh hari mematuhi syarat-syarat keadilan seperti terkandung di dalam Perlembagaan Persekutuan.

**JAWAPAN: YB DATO' SRI AZALINA BINTI OTHMAN SAID,  
MENTERI DI JABATAN PERDANA MENTERI.**

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, dalam melaksanakan urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Bagi Negeri-Negeri Tanah Melayu dan Sabah, Suruhanjaya Pilihan Raya (SPR) telah melihat keseluruhan persempadanan di setiap Negeri yang terlibat bagi memastikan urusan tersebut dibuat secara holistik dan mengambilkira kepentingan semua penduduk.

Urusan Kajian Semula Persempadanan Bahagian-Bahagian Pilihan Raya Persekutuan dan Negeri ini dilaksanakan berlandaskan kepada prinsip-prinsip persempadanan dan tatacara persempadanan yang ditetapkan di bawah Bahagian I dan II, Jadual Ketiga Belas, Perlembagaan Persekutuan serta di bawah Perkara 113, Perlembagaan Persekutuan.

Sekian, terima kasih.